

Soalan Lazim		
BANTUAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI <u>PELANGGAN INDIVIDU</u> SEJAJAR DENGAN PAKEJ PEMULIH		
No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman (RA) yang ditawarkan oleh Maybank sejajar dengan pakej Pemulih?	<p>Sejajar dengan pakej Pemulih, Maybank menawarkan pelan RA Pemulih untuk pelanggan kami yang mengalami kesulitan akibat pandemik seperti berikut:</p> <p><u>Pilihan 1 :</u> Moratorium ansuran bulanan selama 6 bulan</p> <p><u>Pilihan 2:</u> Mengurangkan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan</p> <p>Tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none">• Pinjaman / Pembiayaan Gadai Janji• Pinjaman / Pembiayaan Peribadi• Pinjaman / Pembiayaan ASB• Pinjaman / Pembiayaan Pendidikan• Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli• Overdraf / Cashline-i (Pilihan 1 sahaja) <p><i>Sila hubungi kami jika anda ingin mengetahui lebih lanjut pelan RA lain yang mungkin lebih menepati keadaan/situasi kewangan anda.</i></p> <p>Nota : Bagi Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli, pelanggan akan ditawarkan jadual pembayaran yang disemak semula selaras dengan peruntukan Akta Sewa Beli 1967.</p>
2.	Apakah pilihan untuk Kad Kredit? Apakah pelan RA yang ditawarkan oleh Maybank?	<p>Untuk Kad Kredit / Kad Kredit-i *, pelanggan boleh menukar baki belum jelas kepada Pelan Ansuran 36 bulan (3 tahun).</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none">• Hanya ahli kad Utama (Principal cardmembers) yang boleh memohon dan penukaran akan meliputi baki belum jelas akaun kad tambahan, jika ada.• Jumlah minimum untuk penukaran adalah RM500.• Pelanggan boleh terus menggunakan baki kad kredit/kad kredit-i hingga baki had selepas penukaran. Dimaklumkan bahawa baki belum jelas yang ditukar juga diambil kira sebagai sebahagian daripada had kad kredit. <p>* Tidak termasuk Kad Caj Ahli kad yang telah menukar baki belum jelas kepada Pelan Ansuran boleh pilih permohonan berikut:</p> <p><u>Pilihan 1 :</u> Moratorium ansuran bulanan selama 6 bulan</p>

¹.Untuk kemudahan pembiayaan Islamik, istilah "bayaran balik" akan disebut sebagai "bayaran" di seluruh Soalan Lazim

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		<p>Pilihan 2: Mengurangkan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan boleh terus menggunakan baki kad kredit/kad kredit-i hingga baki had. Dimaklumkan bahawa baki belum jelas yang ditukar kepada Pelan Ansuran juga diambil kira sebagai sebahagian daripada had kad kredit.
3.	Siapakah yang layak memohon moratorium / RA?	<p>Semua pelanggan individu dengan pinjaman / pembiayaan konvensional & Islamik layak untuk memohon moratorium / RA.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Termasuk pinjaman / pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia dan mata wang asing yang diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 • Pinjaman / pembiayaan tidak boleh tertunggak lebih dari 90 hari • Pelanggan tidak boleh diisytihar muflis atau dalam prosiding muflis
4.	Bagaimana moratorium 6 bulan boleh membantu saya?	<p>Moratorium membolehkan pelanggan menanggungkan ansuran pinjaman / pembiayaan selama 6 bulan. Semasa tempoh moratorium, pelanggan tidak perlu membuat pembayaran untuk pinjaman / pembiayaan.</p> <p>Tiada caj / penalti pembayaran lewat akan dikenakan.</p>
5.	Adakah saya perlu memohon untuk mendapat moratorium / RA?	Ya, anda perlu membuat permohonan selaras dengan pengumuman pakej Pemulih.
6.	Bilakah saya boleh memohon moratorium / RA?	Anda boleh membuat permohonan mulai 7 Julai 2021.
7.	Bagaimanakah saya boleh memohon moratorium / RA?	<p>Anda boleh memohon melalui salah satu pilihan berikut:</p> <p>1) Permohonan dalam talian Log masuk ke Maybank2u untuk memohon</p> <p>2) E-mel kepada kami Klik di sini untuk melayari halaman Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Covid-19 Maybank2u.</p> <p>I. Skrol ke bawah "What do I need to do next?" untuk pelanggan Individu.</p>

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		<p>II. Klik butang "Send Email" dan isikan butiran yang diperlukan dengan lengkap sebelum menghantar e-mel.</p> <p>Kami mengesyorkan anda untuk menggunakan komputer semasa membuat permohonan.</p> <p>III. *NOTA PENTING* Sekiranya butiran yang diperlukan tidak dipaparkan dengan betul, klik di sini untuk butiran yang perlu disertakan dalam e-mel anda. Sila salin dan isikan butiran yang diperlukan, kemudian hantar e-mel permohonan anda ke weassist@maybank.com</p> <p>3) Kunjungi cawangan / pusat kami *</p> <p>Kunjungi mana-mana cawangan kami, Pusat Kewangan Auto atau Pusat Pengurusan Kualiti Aset Serantau (Regional Asset Quality Management Centre).</p> <p>*Harap maklum bahawa cawangan dan pusat perhubungan kami kini beroperasi hanya dengan janji temu, manakala beberapa cawangan mungkin ditutup akibat pandemik. Buat janji temu melalui Maybank EzyQ sebelum kunjungan anda.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Khidmat Bantuan Pelanggan di 1-300-88-6688 (Malaysia) atau 03-78443696 (luar negara) dan tekan *1 untuk "Bantuan Bayaran Balik".</p>
8.	<p>Saya mempunyai beberapa pinjaman / pembiayaan dengan Maybank dan hanya mahukan <u>moratorium / RA untuk pinjaman / pembiayaan terpilih</u>. Apa yang perlu saya buat?</p>	<p>Sila nyatakan pinjaman / pembiayaan yang memerlukan moratorium / RA semasa mengemukakan permohonan anda (rujuk item 7).</p> <p>Bagi pinjaman / pembiayaan yang tidak memerlukan moratorium / RA, anda boleh meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda seperti biasa.</p>
9.	<p>Pinjaman/ pembiayaan saya kini di bawah pelan RA terdahulu, adakah saya masih boleh memohon pakej Pemulih RA?</p>	<p>Ya, anda boleh. Anda boleh menukar kepada pelan Pemulih RA (Pilihan 1 atau Pilihan 2 seperti di item 1) mengikut cara di item 7. Setelah diluluskan, pelan RA baru akan menggantikan pelan RA yang sedia ada.</p> <p>Sila hubungi kami jika anda ingin mengetahui lebih lanjut pelan RA lain yang mungkin lebih menepati keadaan/situasi kewangan anda.</p>
10.	<p>Saya telah memohon pelan RA yang terdahulu, tetapi Bank belum memberi maklum balas kepada saya. Bolehkah saya memohon untuk pelan Pemulih RA?</p>	<p>Ya, boleh. Sila e-mel kami di weassist@maybank.com berserta maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Subjek e-mel: Permohonan Menukar Pelan RA ● Nama ● Nombor Kad Pengenalan Baru ● Nombor Telefon ● Jenis pinjaman / pembiayaan (cth. Rumah, Sewa Beli)

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		<ul style="list-style-type: none"> • Nombor kenderaan (Untuk Sewa beli) • Pelan yang dipohon sebelum ini • Pelan baharu yang ingin dipohon
11.	<p>Saya telah membuat permohonan moratorium pada 8 Julai 2021 dan juga membayar ansuran bulanan saya pada 1 Julai 2021.</p> <p>Adakah pelan saya berkuat kuasa pada bulan Julai?</p> <p>Jika ya, adakah ansuran bulan Julai yang dibayar akan dikembalikan?</p>	<p>Pelan moratorium/RA akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2021 bagi permohonan yang dibuat pada bulan Julai 2021.</p> <p>Sekiranya anda memohon 6 bulan moratorium, ansuran bulan Julai 2021 yang anda telah bayar melalui arahan tetap akan di kembalikan secara automatic. Bagi pembayaran yang dibuat melalui Mesin Deposit Cek / Tunai / Arahan Tetap dari bank lain / pihak ketiga dan RA Pilihan 2 (rujuk item 1), anda perlu membuat permohonan bertulis untuk bayaran balik.</p> <p>E-mel kepada kami di weassist@maybank.com berserta maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Subjek e-mel : Permohonan untuk RA berkuat kuasa pada bulan Julai 2021 • Nama • No Kad Pengenalan Baru • Nombor Telefon • Jenis pinjaman/pembiayaan (Gadai Janji, Sewa Beli) • Nombor Pendaftaran Kereta (untuk Sewa Beli) • Bayar melalui Tunai/ Mesin Deposit Tunai? • Nama bank dan nombor akaun yang membuat bayaran • Amaun Pembayaran <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli</u> Jika permohonan RA dibuat melalui e-mel:</p> <p>Pelan Pemulih RA akan berkuat kuasa dari tarikh e-mel yang anda terima daripada kami yang mengandungi Surat Pemberitahuan (Notification Letter) serta terma dan syarat. Jika anda memilih untuk tidak meneruskan permohonan pelan RA anda, sila maklumkan kepada kami dengan membalas e-mel tersebut dalam masa 3 hari kalendar dan terus membuat pembayaran bulanan anda seperti biasa</p> <p>Jika permohonan RA dibuat melalui Maybank2u:</p> <p>Pelan Pemulih RA akan berkuat kuasa selepas anda menghantar permohonan (termasuk penerimaan Perjanjian Variasi) melalui Maybank2u.</p>
12.	<p>Bagaimana dengan permohonan bulan Ogos dan seterusnya? Bilakah moratorium/RA saya akan berkuat kuasa?</p>	<p>Untuk permohonan yang diterima dari Ogos 2021 dan seterusnya, pelan moratorium/RA anda akan berkuat kuasa pada bulan berikutnya setelah menerima permohonan anda.</p> <p>Contoh: Permohonan diterima pada Ogos 2021 akan berkuat kuasa pada bulan September 2021</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli</u> Jika permohonan RA dibuat melalui e-mel:</p>

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		<p>Pelan Pemulih RA akan berkuat kuasa dari tarikh e-mel yang anda terima daripada kami yang mengandungi Surat Pemberitahuan (NL) serta terma dan syarat. Jika anda memilih untuk tidak meneruskan permohonan pelan RA anda, sila maklumkan kepada kami dengan membalas e-mel tersebut dalam masa 3 hari kalendar dan terus membuat pembayaran bulanan anda seperti biasa</p> <p>Jika permohonan RA dibuat melalui Maybank2u:</p> <p>Pelan Pemulih RA akan berkuatkuasa selepas anda menghantar permohonan (termasuk penerimaan Perjanjian Variasi) melalui Maybank2u.</p>
13.	<p>Bagaimanakah cara untuk saya ketahui bahawa permohonan saya telah diproses?</p>	<p>Status permohonan anda akan dimaklumkan melalui SMS dalam masa 5 hari kalendar setelah menerima permohonan anda.</p> <p>Jika permohonan anda diluluskan dan anda ingin menerima pelan moratorium / RA, anda tidak perlu melakukan apa-apa. Sekiranya anda <u>tidak mahu menerima moratorium/ pelan RA</u>, sila maklumkan kepada kami dalam masa 3 hari bekerja dari hari SMS diterima.</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli:</u></p> <p>Jika permohonan RA dibuat melalui e-mel:</p> <p>Kami akan memaklumkan kepada anda melalui e-mel apabila permohonan anda sedang diproses. Anda akan mengetahui status permohonan anda dalam masa 3 hari kalendar.</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Peribadi dengan kadar tetap / Kad Kredit / Kad Kredit-i:</u></p> <p>Status permohonan anda akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan dalam masa 5 hari kalendar setelah menerima permohonan anda.</p>
14.	<p>Adakah saya perlu menyediakan sebarang dokumen sokongan untuk memohon moratorium / RA?</p>	<p>Tiada sebarang dokumen yang diperlukan. Pelanggan hanya perlu menandatangani borang pengisytiharan sendiri.</p>
15.	<p>Adakah faedah / keuntungan akan dikenakan sepanjang tempoh moratorium/ RA?</p>	<p>Faedah / keuntungan akan dikenakan tetapi tidak dikompaun semasa tempoh moratorium/ RA.</p>
16.	<p>Apakah yang akan berlaku kepada ansuran pinjaman /</p>	<p>Bergantung kepada pelan yang dipilih, bayaran ansuran bulanan anda mungkin sama atau menjadi lebih rendah, sementara tempoh pinjaman /</p>

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

	<p>pembiayaan saya setelah pelan moratorium / RA (Pilihan 1 atau Pilihan 2 di item 1) tamat?</p>	<p>pembiayaan anda pula akan dilanjutkan bagi memastikan bayaran ansuran bulanan anda dapat diurus dengan baik.</p> <p>Sekiranya anda ingin mengekalkan tempoh tersebut, sila hubungi pihak kami. Adalah diingatkan bahawa ansuran bulanan yang disemak semula mungkin akan menjadi lebih tinggi.</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli:</u></p> <p>Ansuran bulanan anda akan tetap sama; faedah/keuntungan tambahan yang dikenakan untuk penangguhan pembayaran akan dibayar pada akhir tempoh berserta dengan ansuran bulanan terakhir.</p> <p>Sila rujuk contoh dalam item 28 untuk membantu anda membuat keputusan dengan lebih tepat.</p>
17.	<p>Adakah moratorium/RA akan meningkatkan kos pinjaman / pembiayaan saya?</p>	<p>Ya, kos pinjaman / pembiayaan akan meningkat apabila anda mengambil moratorium / pelan RA kerana faedah / keuntungan akan dikenakan (tetapi tidak dikompoun) semasa tempoh moratorium / RA.</p> <p>Sila rujuk contoh di item 28 untuk membantu anda membuat keputusan yang lebih tepat.</p> <p>Oleh itu, jika anda mampu membayar ansuran pinjaman / pembiayaan semasa anda, kami menasihatkan agar anda meneruskan pembayaran pinjaman / pembiayaan. Sekiranya anda menghadapi kesukaran kewangan di kemudian hari, anda masih boleh memohon pelan RA kami.</p>
18.	<p>Adakah moratorium 6 bulan / RA akan mempengaruhi rekod CCRIS saya?</p>	<p>Moratorium / pelan RA tidak akan memberi kesan kepada rekod CCRIS anda sekiranya pinjaman / pembiayaan anda tidak tertunggak selama lebih dari 90 hari.</p>
19.	<p>Setelah saya menerima moratorium / RA, bolehkah saya menarik diri jika status kewangan saya pulih?</p>	<p>Ya, anda boleh menarik diri daripada moratorium / RA pada bila-bila masa. Sila hubungi kami untuk perbincangan lanjut.</p>
20.	<p>Moratorium / RA saya tidak diluluskan. Bukankah kelulusan itu secara automatik?</p>	<p>Anda berkemungkinan tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti di item 3. Hubungi kami dan kami akan membantu mengemukakan pelan RA yang bersesuaian untuk anda.</p> <p>Anda boleh mendapatkan bantuan dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang memberikan khidmat nasihat dan bantuan kepada peminjam / pelanggan individu dalam menguruskan kewangan mereka.</p>
21.	<p>Adakah saya perlu menandatangani sebarang perjanjian untuk moratorium / RA?</p>	<p>Surat Tawaran Tambahan/Surat Pemberitahuan akan dihantar kepada anda melalui pos, untuk rekod simpanan anda tanpa perlu ditandatangani atau dikembalikan kepada kami. Anda boleh merujuk kepada SMS yang dihantar seperti di item 13.</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli</u></p>

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		Penyewa dan penjamin (jika ada) perlu menandatangani Perjanjian Variasi secara digital atau fizikal di mana-mana cawangan dan pusat operasi kami.
22.	Saya kini dalam Program Pengurusan Hutang AKPK. Bolehkah saya memohon moratorium / RA ini?	<p>Sekiranya anda berdaftar di bawah Program Pengurusan Hutang AKPK, anda tidak boleh memohon untuk moratorium / RA. Anda harus menamatkan program yang ada dengan AKPK sebelum memohon moratorium / RA.</p> <p>Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi AKPK jika anda menghadapi kesukaran untuk membayar jumlah yang dipersetujui dengan mereka.</p>
23.	Adakah saya dikenakan sebarang caj proses untuk moratorium / RA?	Pihak bank tidak mengenakan sebarang caj bagi proses permohonan moratorium/ RA.

Pembayaran

24.	Adakah saya perlu memberitahu Bank untuk menghentikan Arahan Tetap / Auto Debit saya untuk pinjaman / pembiayaan saya apabila moratorium tersebut berkuat kuasa?	<p>Bagi Arahan Tetap / Auto Debit daripada Maybank / Maybank Islamic ke Akaun Pinjaman Maybank/ Pembiayaan Maybank Islamic:</p> <table border="1" data-bbox="631 989 1541 1222"> <tr> <td>6 bulan moratorium</td> <td>Penangguhan secara automatik semasa tempoh moratorium / RA.</td> </tr> <tr> <td>Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan</td> <td>Diselaraskan secara automatik kepada ansuran bulanan baru.</td> </tr> </table> <p>Bagi Arahan Tetap / Auto Debit dari institusi kewangan lain ke Akaun Pinjaman Maybank / Pembiayaan Maybank Islamic, anda perlu memaklumkan institusi kewangan tersebut untuk menghentikan pembayaran.</p>	6 bulan moratorium	Penangguhan secara automatik semasa tempoh moratorium / RA.	Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan	Diselaraskan secara automatik kepada ansuran bulanan baru.
6 bulan moratorium	Penangguhan secara automatik semasa tempoh moratorium / RA.					
Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan	Diselaraskan secara automatik kepada ansuran bulanan baru.					
25.	Apakah yang akan berlaku kepada pembayaran berulang saya di Maybank2u jika saya memilih moratorium / RA ini?	<p>Anda perlu mengemas kini pembayaran berulang di Maybank2u bagi mengelakkan pembayaran automatik.</p> <table border="1" data-bbox="631 1564 1541 1797"> <tr> <td>6 bulan moratorium</td> <td>Tangguhkan pembayaran berulang semasa tempoh moratorium anda dan bayar semula setelah ia tamat</td> </tr> <tr> <td>Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan</td> <td>Tukar kepada jumlah ansuran baru untuk jangka masa yang dipersetujui.</td> </tr> </table> <p>Untuk mengemas kini Pembayaran Berulang: Log In > Settings > Pay & Transfer > Transfer Future & Recurring</p>	6 bulan moratorium	Tangguhkan pembayaran berulang semasa tempoh moratorium anda dan bayar semula setelah ia tamat	Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan	Tukar kepada jumlah ansuran baru untuk jangka masa yang dipersetujui.
6 bulan moratorium	Tangguhkan pembayaran berulang semasa tempoh moratorium anda dan bayar semula setelah ia tamat					
Pengurangan ansuran 50% selama 6 bulan	Tukar kepada jumlah ansuran baru untuk jangka masa yang dipersetujui.					

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

26.	Adakah saya perlu membuat pembayaran untuk pinjaman / pembiayaan saya sementara menunggu moratorium / RA diproses?	Ya, teruskan membuat pembayaran ansuran sementara menunggu moratorium / RA diproses dan berkuat kuasa. Kami akan berusaha untuk memproses permohonan anda secepat mungkin untuk membantu meringankan beban kewangan anda.
27.	Apakah yang perlu saya lakukan setelah moratorium / RA tamat?	Sekiranya anda masih menghadapi kesukaran membuat pembayaran, hubungi kami dan kami akan membantu anda.

Ilustrasi : Implikasi moratorium / RA

28.	Implikasi moratorium / RA terhadap kos pinjaman / pembiayaan																														
	<ul style="list-style-type: none"> • Contoh di bawah adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Jangka masa tempoh lanjutan dan faedah / keuntungan akan berubah bergantung pada kadar faedah/ keuntungan pinjaman/ pembiayaan dan baki tempoh pinjaman/ pembiayaan. • Ini adalah contoh kes di mana jumlah ansuran asal kekal setelah pelan moratorium/RA, oleh itu tempoh pinjaman/pembiayaan akan dilanjutkan. Sekiranya anda ingin mengurangkan tempoh pinjaman/ pembiayaan, anda boleh menghubungi kami untuk membincangkan pilihan lain yang lebih sesuai. 																														
	Contoh 1: Pembiayaan Gadai Janji / Runcit / Rumah (pembiayaan kadar berubah)																														
	<p>Jumlah Pinjaman/Kemudahan Asal : RM150,000 Kadar Faedah/Keuntungan / Caj Terma : 3.25%* Tempoh Pinjaman/Kemudahan : 35 tahun Tempoh Baki Pinjaman/Kemudahan : 30 tahun Baki Semasa Pinjaman/Kemudahan : RM137,499</p>																														
	* Andaian tidak ada perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) sepanjang tempoh pinjaman / pembiayaan																														
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Seperti Jadual Pembayaran / Bayaran Balik Semasa</th> <th>Pilihan 1: 6 bulan moratorium</th> <th>Pilihan 2: Pengurangan 50% ansuran selama 6 bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ansuran Bulanan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>- 6 bulan pertama</td> <td>RM598</td> <td>RM0</td> <td>RM299</td> </tr> <tr> <td>- Bulan ke-7 dan seterusnya</td> <td>RM598</td> <td>RM598</td> <td>RM598</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Bayaran</td> <td>RM215,426</td> <td>RM221,431</td> <td>RM218,343</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Faedah/ Keuntungan</td> <td>RM77,927</td> <td>RM83,931</td> <td>RM80,844</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Tempoh dari Tarikh Semasa (tahun)</td> <td>30</td> <td>31.3</td> <td>30.7</td> </tr> </tbody> </table>				Seperti Jadual Pembayaran / Bayaran Balik Semasa	Pilihan 1: 6 bulan moratorium	Pilihan 2: Pengurangan 50% ansuran selama 6 bulan	Ansuran Bulanan				- 6 bulan pertama	RM598	RM0	RM299	- Bulan ke-7 dan seterusnya	RM598	RM598	RM598	Jumlah Bayaran	RM215,426	RM221,431	RM218,343	Jumlah Faedah/ Keuntungan	RM77,927	RM83,931	RM80,844	Jumlah Tempoh dari Tarikh Semasa (tahun)	30	31.3	30.7
	Seperti Jadual Pembayaran / Bayaran Balik Semasa	Pilihan 1: 6 bulan moratorium	Pilihan 2: Pengurangan 50% ansuran selama 6 bulan																												
Ansuran Bulanan																															
- 6 bulan pertama	RM598	RM0	RM299																												
- Bulan ke-7 dan seterusnya	RM598	RM598	RM598																												
Jumlah Bayaran	RM215,426	RM221,431	RM218,343																												
Jumlah Faedah/ Keuntungan	RM77,927	RM83,931	RM80,844																												
Jumlah Tempoh dari Tarikh Semasa (tahun)	30	31.3	30.7																												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2">Contoh 2: Pembiayaan Sewa Beli (pembiayaan kadar tetap)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah Pinjaman / Pembiayaan</td> <td>: RM50,000</td> </tr> <tr> <td>Kadar Faedah / Keuntungan / Caj Terma</td> <td>: 2.80%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pinjaman / Pembiayaan</td> <td>: 108 bulan</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Baki</td> <td>: 36 bulan</td> </tr> </tbody> </table>			Contoh 2: Pembiayaan Sewa Beli (pembiayaan kadar tetap)		Jumlah Pinjaman / Pembiayaan	: RM50,000	Kadar Faedah / Keuntungan / Caj Terma	: 2.80%	Tempoh Pinjaman / Pembiayaan	: 108 bulan	Tempoh Baki	: 36 bulan																		
Contoh 2: Pembiayaan Sewa Beli (pembiayaan kadar tetap)																															
Jumlah Pinjaman / Pembiayaan	: RM50,000																														
Kadar Faedah / Keuntungan / Caj Terma	: 2.80%																														
Tempoh Pinjaman / Pembiayaan	: 108 bulan																														
Tempoh Baki	: 36 bulan																														

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

	Seperti Terma Pembayaran Balik / Pembayaran Semasa	Pilihan 1: 6 bulan moratorium	Pilihan 2: Pengurangan 50% ansuran selama 6 bulan
Ansuran Bulanan - 6 bulan pertama - Bulan ke-7 dan seterusnya	RM580 RM580	RM0 RM580	RM290 RM580
Caj terma bagi ansuran tertunda	-	RM471.61	RM258.04
Jumlah Pinjaman / Pembiayaan yang perlu dibayar	RM19,414.32	RM19,885.93	RM19,672.36
Baki Tempoh Pinjaman/ Pembiayaan dari Tarikh Semasa (bulan)	36	42	39

Nota:

Bagi pilihan 1 & 2, faedah / keuntungan tambahan (caj terma) akan dikenakan pada baki amaun prinsipal ansuran tertunda masa moratorium berdasarkan Tahap Peratus Tahunan (APR), yang akan dibayar pada akhir tempoh bersama dengan ansuran terakhir.

Pengiraan bagi caj terma mungkin sedikit berbeza kerana faktor titik perpuluhan.

Implikasi terhadap Insurans/Takaful

29.	Bagaimanakah moratorium dan / atau RA mempengaruhi perlindungan insurans / takaful saya yang sedia ada?	<p>Oleh kerana tempoh pembayaran pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan (akibat moratorium / RA), perlindungan insurans / takaful anda akan berakhir lebih awal daripada tempoh pinjaman / pembiayaan baru anda. Sebagai tambahan, jika perlindungan yang diambil adalah perlindungan jangka pendek, perlindungan insurans / takaful akan terus berkurang dalam tempoh moratorium / RA seperti yang tertera dalam polisi / sijil anda.</p> <p>Ini bermaksud baki pinjaman / pembiayaan akan lebih tinggi daripada perlindungan insurans / takaful anda yang mengakibatkan jurang perlindungan dalam polisi/ sijil.</p> <p>Andaian:</p> <p>Jaminan Jangka Masa Pengurangan Asal / Perlindungan Takaful Tempoh 60 bulan (5 tahun)</p> <p>Permohonan untuk 6 bulan moratorium / RA</p>
-----	--	--

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

		<p style="text-align: center;">Perbandingan di antara Perlindungan MRTA/T & Baki Pinjaman/Pembiayaan selepas Moratorium</p> <p>Petunjuk</p> <ul style="list-style-type: none"> — Jumlah pengurangan perlindungan untuk MRTA/T - - - Pengurangan baki pinjaman <p>Anggapan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jangka Perlindungan asal MRTA/T = 60 bulan (5 tahun) • Pinjaman memohon moratorium untuk 6 bulan (April – September 2020) <p><small>Nota: Graf hanyalah bertujuan untuk ilustrasi sahaja.</small></p>
<p>30.</p>	<p>Saya telah menerima 6 bulan moratorium / RA, adakah wajib untuk saya mempunyai perlindungan insurans / takaful untuk tempoh pembayaran pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan?</p>	<p>Walaupun tidak wajib, dengan mempunyai perlindungan tambahan untuk jangka masa pembayaran pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan akan melindungi anda dan keluarga anda daripada jumlah pinjaman / pembiayaan yang belum dijelaskan, sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal (Total Permanent Disability) sebelum usia 70 tahun. Jurang perlindungan bermula dari mula pertama moratorium iaitu April 2020 dan seterusnya. Semakin lama moratorium dilanjutkan, semakin bertambah jurang perlindungan.</p>
<p>31.</p>	<p>Apakah pilihan saya untuk perlindungan tambahan insurans / takaful untuk mengatasi jurang perlindungan?</p>	<p>Kami mengesyorkan agar anda mengambil Jaminan Jangka Masa Tahap Kredit / Takaful Etiqa (CLTA / T) atau mana-mana pengendali insurans / takaful pilihan anda yang diluluskan oleh kami untuk perlindungan tambahan pada jumlah minimum RM10,000 dan bagi tempoh perlindungan minimum 5 tahun.</p> <p>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli</p> <p>Anda boleh mendaftar perlindungan tambahan Pelan Kredit Auto Takaful (TACP) untuk pinjaman/ pembiayaan kenderaan anda dengan mana-mana Pusat Kewangan Auto kami bagi tempoh pembayaran pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan.</p>

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).

32.	<p>Bagaimanakah saya boleh memohon / mendaftar untuk perlindungan tambahan di bawah CLTA / T?</p>	<p>Untuk memohon / mendaftar CLTA / T dengan Etiqa, sila hubungi Pusat Perhubungan Etiqa seperti maklumat di bawah dan kami akan membantu anda lebih lanjut:</p> <p>Etiqa Online: 1300 13 8888</p> <p>E-mel: bancasupport@etiqa.com.my</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan insurans / perlindungan takaful bagi pinjaman / pembiayaan rumah anda, sila baca Soalan Lazim (Takaful) (Insurans)</p> <p><u>Untuk Pinjaman / Pembiayaan Sewa Beli</u></p> <p>Sila kunjungi atau hubungi Pusat Kewangan Auto kami. Harap maklum bahawa cawangan dan pusat perhubungan kami kini beroperasi hanya dengan janji temu, manakala beberapa cawangan mungkin ditutup akibat pandemik. Buat janji temu melalui Maybank EzyQ sebelum kunjungan anda.</p>
-----	--	---

Soalan Lazim ini tertakluk kepada semakan oleh Bank selaras dengan kemas kini peraturan. Sekiranya ada perkembangan baru, kami akan maklumkan melalui Maybank2u. Bantuan Bayaran Balik Pinjaman akan dirujuk sebagai RA (Repayment Assistance).